

Thailand, Kemboja diminta henti tindakan ketenteraan

Anwar hubungi rakan sejawat dua negara secara berasingan bincang konflik

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Thailand dan Kemboja diminta menghentikan semua bentuk tindakan ketenteraan bagi meredakan ketegangan antara kedua-dua negara berkuat kuasa jam 10 malam tadi (11 malam waktu Malaysia).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghubungi rakan sejawatnya dari Thailand, Anutin Charnvirakul dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet secara berasingan membincangkan perkara itu semalam.

Anwar berkata Malaysia menggesa kedua-dua negara menghentikan segala bentuk permusuhan dan tidak melakukan sebarang tindakan ketenteraan lanjut, termasuk penggunaan kekerasan atau menggerakkan pasukan bersenjata ke barisan hadapan.

Ia juga susulan perbincangan dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, malam kelmarin.

Beliau berkata, dalam perbincangan itu, Malaysia turut menyuarakan kebimbangan serius terhadap perkembangan krisis dua negara ASEAN berkenaan dan meminta penugasan Pasukan Pemerhati ASEAN (AOT) diketuai Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Mohd Nizam Jaafar untuk memantau keadaan di lapangan.



Perdana Menteri menerima panggilan daripada Trump yang membincangkan konflik Kemboja-Thailand, hubungan dua hala serta isu global yang menjadi kepentingan bersama.

"Bagi menyokong usaha meredakan ketegangan dan meningkatkan ketelusan, Malaysia meminta penugasan AOT dengan misi turut disokong pemantauan satelit disediakan AS bermula pada waktu sama.

"Dapatan pemantauan lapangan dan satelit ini akan dikumpulkan AOT dan dibentangkan pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang dijadualkan berlangsung pada Selasa, 16 Disember," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kestabilan serantau

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, laporan terbabit akan memberikan gambaran objektif mengenai situasi semasa, termasuk kedudukan kedua-dua pihak, demi kepentingan akauntabiliti, pembinaan keyakinan serta pemeliharaan keamanan dan kestabilan seran-

tau.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi ASEAN 2025 berkata, Malaysia kekal fokus untuk bekerjasama rapat dengan rakan ASEAN dan komuniti antarabangsa bagi memastikan dialog, sikap bertenang dan diplomasi terus menjadi landasan utama.

Pada Oktober lalu bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur, Thailand dan Kemboja menamatkan pertikaian sempadan kedua-dua negara yang berlanjutan berdekad lamanya menerusi majlis menandatangani perjanjian damai dikenali KL Peace Accord' atau Perjanjian Damai KL.

Namun, pertempuran kembali meletus di sepanjang sempadan Kemboja dan Thailand sejak minggu lalu.

Pihak berkuasa memaklumkan sekurang-kurangnya 20 maut dalam siri pertempuran

terkini dekat sempadan Kemboja-Thailand.

Pertempuran terbaharu juga menyaksikan beribu-ribu rakyat kedua-dua negara terpaksa dipindahkan.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Trump berkata, pada Jumaat lalu bahawa Kemboja dan Thailand bersetuju untuk menghentikan pertempuran di sempadan, sambil merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia atas bantuan yang diberikan.

Dalam satu hantaran di Truth Social, Trump berkata, beliau telah mengadakan perbualan yang baik dengan Anutin dan Hun Manet berkaitan perkara itu.

"Mereka telah bersetuju untuk menghentikan semua tembakan berkuat kuasa malam ini (malam Jumaat) dan kembali kepada Perjanjian Damai asal yang dimekahi bersama saya dan mereka, dengan bantuan Perdana Menteri Malaysia yang hebat, Anwar Ibrahim.

"Adalah satu penghormatan bagi saya untuk bekerjasama dengan Anutin dan Hun dalam menyelesaikan isu yang berpotensi berkembang menjadi peperangan besar antara dua negara yang sepatutnya aman dan makmur.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, Anwar Ibrahim atas bantuannya dalam perkara yang amat penting ini," tulisnya.

Beliau juga berkata, kedua-dua negara bersedia untuk mencapai keamanan serta meneruskan perdagangan dengan Amerika Syarikat.

Bangkok teruskan serangan - Dunia 22